

14 JAN 1997

Ramli-Umno

J/KUASA BARU BADAN PERHUBUNGAN UMNO NEGERI DAPAT KUKUHKAN PARTI

IPOH, 14 Jan (Bernama) -- Jawatankuasa baru Badan Perhubungan Umno Negeri Perak yang hampir kesemuanya terdiri daripada muka baru dijangka dapat memperkukuhkan lagi kestabilan struktur parti itu, kata pengerusinya Tan Sri Ramli Ngah Talib hari ini.

Beliau berkata walaupun hampir kesemua anggota jawatankuasa itu merupakan muka baru, kecuali beliau yang mengekalkan jawatannya sebagai pengerusi badan itu, mereka adalah orang lama dan berpengalaman.

Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini mengumumkan perlingtonan pengerusi dan timbalan pengerusi negeri manakala ketua pergerakan pemuda Datuk Zahid Hamidi dan ketua pergerakan wanita Dr Siti Zaharah Sulaiman mengumumkan perlingtonan ketua pemuda dan wanita negeri.

Anggota Majlis Tertinggi Umno dan juga anggota Parlimen kawasan Pasir Salak, Datuk Megat Junid Megat Ayob dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Negeri Perak bagi menggantikan Datuk Mohd Arshad Abdullah.

Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam, Kemajuan dan Kebajikan Masyarakat Haji Mohd Zaim Haji Abu Hassan pula dilantik sebagai setiausaha badan perhubungan Umno negeri bagi menggantikan Datuk Ahmad Hambal Yeop Majlis.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Ramly Zahari dilantik sebagai Ketua Penerangan menggantikan Datuk Haji Junus Wahid manakala bekas timbalan ketua pemuda Jamal Nasir Rasdi dilantik sebagai Ketua Pemuda menggantikan Datuk Mohamed Al Amin Abdul Majid yang sudah melebihi had umur.

Naib ketua wanita Ainon Khairiyah Datuk Mohd Abas pula dilantik sebagai Ketua Wanita Perak menggantikan Datuk Seri Rafidah Aziz yang gagal mempertahankan jawatannya sebagai Ketua Wanita Umno pada perhimpunan agung Umno tahun lepas.

Ramli berharap mereka akan terus berusaha merapatkan hubungan pelbagai lapisan anggota parti dan menitik beratkan hubungan dengan akar umbi, selain daripada meneruskan kerjasama dengan pemimpin-pemimpin yang lama dan bersifat rendah diri.

Beliau berkata dengan adanya "darah-darah muda" ini diharapkan badan itu dapat bergerak dengan lebih dinamik dan mewujudkan kepimpinan yang lebih kukuh seiring dengan perjuangan Umno pusat.

-- BERNAMA

HK SN AHH